RBT
TINGKATAN SATU
BAB 1 (siri 1)

Arahan : Tuliskan jawapan anda, samada A atau B, dalam kotak yang disediakan.

1. Pilih definisi REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI, yang betul?
   A. Gabungan pengetahuan tentang penyusunan bahan secara terancang dengan mengaplikasikan pengetahuan sains dan matematik.
   B. Pengaplikasian ilmu sains dan matematik dengan menggunakan sumber semula jadi untuk dijadikan alat, tenaga atau system.

2. Pilih definisi INVENSI, yang betul?
   A. Kaedah dan proses mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang baharu serta belum pernah wujud sebelumnya.
   B. Pengubahsuaian terhadap produk sedia ada supaya menjadi lebih baik.

3. Pilih definisi INOVASI, yang betul?
   A. Kaedah dan proses mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang baharu serta belum pernah wujud sebelumnya.
   B. Pengubahsuaian terhadap produk sedia ada supaya menjadi lebih baik.

4. Antara berikut, yang manakah KEPENTINGAN REKABENTUK DAN TEKNOLOGI, yang betul..?
   i. Membuka peluang kerjaya dan pekerjaan
   ii. Memenuhi kehendak individu dan masyarakat
   iii. Membazirkan masa dan tenaga
   iv. Mencemarkan alam sekitar

   A. i dan ii
   B. iii dan iv

5. Antara berikut, yang manakah ELEMEN REKA BENTUK, yang betul..?
   i. Keringkasan
   ii. Kesatuan
   iii. Garisan
   iv. Warna

   A. i dan ii
   B. iii dan iv

6. Antara berikut, yang manakah PRINSIP REKA BENTUK, yang betul..?
   i. Tekstur
   ii. Rupa
   iii. Harmoni
   iv. Kontras

   A. i dan ii
   B. iii dan iv

LIVEWORKSHEETS

7. Pilih ELEMEN REKA BENTUK, yang betul..?
   A. Garisan, Rupa, Bentuk, Tekstur, Saiz, Warna, Ruang.
   B. Keseimbangan, Pengulangan, Kontras, Kepelbagaian, Kesatuan, Keringkasan, Harmoni.

8. Pilih PRINSIP REKA BENTUK, yang betul..?
   A. Garisan, Rupa, Bentuk, Tekstur, Saiz, Warna, Ruang.
   B. Keseimbangan, Pengulangan, Kontras, Kepelbagaian, Kesatuan, Keringkasan, Harmoni.

9. Terdapat 3 kelompok sasaran PERANAN REKA BENTUK, iaitu INDIVIDU, MASYARAKAT dan NEGARA, pilih penyataan yang betul, yang menerangkan tentang PERANAN REKA BENTUK..?
   A. Membentuk individu dan masyarakat yang kreatif dan berdaya maju.
   B. Menggunakan semua bajet kewangan Negara dan mengaut keuntungan untuk individu tertentu sahaja.

10. Pilih penyataan yang tepat bagi ETIKA DALAM REKA BENTUK, berikut:
    i. Keuntungan : menjamin semua individu akan mendapat untung besar.
    ii. Harga : memastikan harga yang paling tinggi.
    iii. Bermanfaat : produk yang dihasilkan dapat memberi manfaat dan faedah kepada pengguna
    iv. Selamat : menghasilkan produk yang selamat dan tiada kesan sampingan kepada pengguna

    A. i dan ii
    B. iii dan iv

LIVEWORKSHEETS